



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN TERENGGANU

PEKELILING TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK)

Bilangan 1 Tahun 2019

PENDAFTARAN PELAJAR PROGRAM PRA-DIPLOMA, DIPLOMA, SARJANA MUDA DAN SARJANA SEMESTER MAC – JULAI 2019

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memberi peringatan berhubung pendaftaran pelajar (Kumpulan B / Pra-Diploma, Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana) Semester Mac – Julai 2019 di Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu.
2. Pekeliling ini juga adalah sebagai pemakluman kepada pelajar bahawa **kuliah bagi Semester Mac - Julai 2019 akan bermula pada 24 Februari 2019**. Sehubungan itu, adalah menjadi **tanggungjawab pelajar** untuk melakukan perkara-perkara berikut **sebelum kuliah bermula**:
 - (a) Membayar yuran pengajian.
 - (b) Membuat pendaftaran kursus secara *online* (mendaftar kumpulan dan kursus) dengan melayari laman web ***i-student portal***.
 - (c) Mendaftar di kolej kediaman masing-masing
Bagi pelajar *non resident* pula adalah dimestikan mendaftar di Pejabat Pengurusan Kolej Kawasan Pantai.
3. Para pelajar yang mempunyai **masalah kewangan untuk membayar yuran pengajian**, hendaklah:
 - (a) Merujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar atau Unit Zakat bagi mendapatkan bantuan kewangan; **atau**
 - (b) **Mengisi Borang Permohonan Penangguhan Bayaran Yuran Pengajian** yang boleh didapati di HEA dan majukan kepada Timbalan Rektor (Akademik) UiTM Cawangan Terengganu untuk membayar yuran lewat daripada tarikh yang ditetapkan.
4. Seterusnya, para pelajar adalah diingatkan supaya **menghadiri kuliah sepetimana yang telah dijadualkan, iaitu bermula 24 Februari 2019**. Kegagalan menghadiri kuliah adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

5. Pelajar juga dinasihatkan untuk mengambil serius terhadap aktiviti akademik serta tarikh-tarikh penting yang boleh diperolehi daripada *Student Portal*. Disamping itu, pelajar diminta mengemaskini maklumat peribadi terkini seperti nombor telefon bimbit supaya maklumat-maklumat penting dapat disampaikan.

LATAR BELAKANG

6. Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini, **status pelajar Universiti** tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Mendaftar sebagai pelajar dengan Universiti untuk mengikuti Program Pengajian pada tarikh pendaftaran rasmi yang ditetapkan,
- (b) Menjelaskan yuran pengajian tidak lewat dari tarikh pendaftaran rasmi yang ditetapkan, dan
- (c) Mendaftar kursus yang ditetapkan dalam Pelan Pengajian untuk semester berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

7. Pelajar akan diberikan status **Gugur Taraf (GT)** sekiranya tidak mematuhi syarat-syarat status pelajar Universiti.

TUJUAN PELAKSANAAN

8. Adalah diharapkan semua pelajar UiTM Cawangan Terengganu dapat memahami dan mematuhi pekeliling ini khususnya mengenai aktiviti-aktiviti akademik iaitu pendaftaran pelajar, bayaran yuran pengajian, pendaftaran kursus, kehadiran kuliah dan pengemaskinian maklumat peribadi.

TARIKH DIKELUARKAN

8. Pekeliling dikeluarkan pada 10 Februari 2019.

TARIKH KUATKUASA

9. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 10 Februari 2019.

Keluarkan

PROF MADYA DR KHLIPAH IBRAHIM

Timbalan Rektor (Akademik)

Dikelilingkan Kepada:

Semua Pelajar UiTM Cawangan Terengganu

Nombor Fail : 100-UiTMKD (AKA/6/7/1)